

12 DEC 2002

Mahathir-Iraq/I

PERANG KE ATAS IRAQ MENANDAKAN MASA DEPAN SURAM BAGI DUNIA, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Harlina Samson

TOKYO, 12 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan bahawa serangan ke atas Iraq mungkin akan menimbulkan kemarahan orang Islam dan menandakan masa depan yang suram terhadap dunia.

"Terus terang, saya fikir ia (perang ke atas Iraq) adalah tidak produktif, anda mungkin dapat minyak tetapi anda akan dibenci oleh 1.3 bilion orang Islam untuk selamanya dan ia merupakan sesuatu yang tidak produktif.

"Saya amat berharap agar perang ke atas Iraq tidak dilancarkan kerana sekiranya ia dilancarkan, anda dijamin akan berhadapan dengan masa depan yang amat suram bagi aturan dunia," kata beliau yang jelas merujuk kepada tanggapan bahawa perang ke atas Iraq sebenarnya adalah mengenai kawalan ke atas sumber-sumber minyak.

Dr Mahathir berkata demikian pada sesi soal jawab pada seminar sempena ulangtahun ke-20 "Dasar Pandang Ke Timur" yang digunapakai oleh Malaysia, di sini. Beliau tiba di sini hari ini bagi lawatan rasmi dua hari ke Jepun.

Perdana Menteri berkata keadaan semasa dunia sekarang kelihatan disemarakkan oleh api kemarahan dan ini akan membahayakan semua orang.

Beliau berkata bahawa dunia tidak mengendalikan isu keganasan dengan betul dan masa depan dunia akan terjejas teruk oleh api kemarahan berkenaan yang kini kelihatan ada pada diri semua orang.

"Kemarahan rakyat Amerika ialah kerana telah diserang dengan cara yang mereka tidak pernah diserang sebelum ini, dan kemarahan orang Islam kerana mereka merasakan mereka telah dikutuk secara tidak adil. Jadi, masa depan tidak begitu baik pada ketika ini," katanya.

Dr Mahathir berkata dalam keadaan sekarang, orang tidak berasa selamat di mana-mana sahaja dan terus menjadi takut untuk melancong, lebih-lebih lagi dengan adanya amaran perjalanan yang dikeluarkan ke atas beberapa neagara tertentu.

"Jepun berkata jangan pergi ke Australia. Australia berkata jangan pergi ke Malaysia dan Malaysia akan berkata, jangan pergi ke banyak negara.

"Saya mungkin tidak akan datang ke Jepun sekiranya saya tidak menaruh kepercayaan kepada Jepun. Jadi, semua ini telah sampai ke tahap mengarut," katanya.

Dr Mahathir berkata dunia tidak dapat memerangi keganasan dengan meningkatkan kekuatan ketenteraan kerana tidak diketahui siapa dan di mana pengganas akan bertindak, seperti terbukti di Mombasa, Kenya baru-baru ini walaupun terdapat banyak amaran di dunia.

Beliau berkata dengan tidak mengetahui siapa atau siapakah mereka sebenarnya, tiada apa yang dapat menghalang mereka berkenaan daripada melakukan serangan ke atas mangsa dan orang yang disasarkan dan sasaran itu boleh berada di mana-mana sahaja.

"Sekiranya orang Amerika menjadi sasarannya, bolehkah orang Amerika tinggal dalam kubu-kubu di Amerika, tanpa pergi ke tempat lain. Itu adalah mustahil, jadi bagaimana kita dapat menghalang orang-orang ini daripada melakukan serangan melulu ke atas individu rakyat Amerika yang melancong ke tempat-tempat lain di dunia?" katanya.

Menyatakan bahawa strategi yang diambil untuk memerangi keganasan adalah salah, Perdana Menteri menegaskan bahawa dalam memerangi keganasan, seseorang perlu memahami puncanya dan menanganinya terlebih dahulu.

Kepada satu soalan mengenai pandangan beliau mengenai dasar Amerika Syarikat baru-baru ini mengenai belanjawan pertahanan dan kesan dasar

seumpama itu ke atas Islam, beliau berkata ia adalah sesuatu yang tidak akan mendatangkan hasil kerana ia bukan merupakan satu pelaburan yang mendatangkan manfaat kepada pertumbuhan ekonomi rakyat dan negara.

Oleh kerana negara itu memiliki semua jenis senjata canggih, dengan itu mereka berhasrat menggunakan senjata berkenaan dan mewujudkan perang dan sekiranya cara itu melibatkan perbelanjaan besar, ia akan menjadi bertambah miskin dan kerana kekuatan ketenteraannya, ia akan menyerang negara-negara lain untuk mengkayakan dirinya, kata beliau.

"Negara ini adalah sebuah kuasa besar tetapi apa gunanya kerana ia serupa dengan orang atau ahli sumo yang tinggi, besar dan kuat, satu-satunya cara anda boleh mendapatkan wang ialah dengan bertarung dengan ahli sumo yang lain tetapi tiada lagi ahli sumo, hanya dia seorang, jadi apa gunanya?" katanya.

Ditanya mengenai melancarkan serangan terlebih dahulu seperti yang diumumkan oleh Amerika dan baru-baru ini Australia yang mendakwa bahawa mereka mempunyai hak untuk pergi ke mana-mana negara kononnya untuk memerangi keganasan, Dr Mahathir berkata apa pula yang dapat menghalang negara-negara lain daripada melakukan perkara yang sama tanpa merujuk kepada Pertubuhan Negara-negara Bersatu.

"Sekiranya, undang-undang ini membenarkan serangan terlebih dahulu. Apa yang akan terjadi kepada Malaysia sekiranya negara-negara lain mahu melancarkan serangan terlebih dahulu dan apa yang akan terjadi sekiranya semua orang mahu melancarkan serangan terlebih dahulu dan membuat penghakiman sendiri.

"Dunia ini akan menjadi kacau bilau dan akan berlaku pembunuhan, pesawat tanpa juruterbang akan digunakan untuk melakukan pengeboman dan membunuh orang dan dunia akan berada dalam keadaan huru hara selama-lamanya," katanya.

-- BERNAMA

HS RHM